

**Perodua Sedia 1.2 Juta pound Untuk Penedar UK Bagi Khidmat Lepas Jualan
Bernama
14 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Perodua akan mengagihkan dana operasi bernilai 1.2 juta pound (RM6 juta) selama lapan tahun kepada penedarnya di United Kingdom, Perodua UK Ltd, bagi meneruskan perkhidmatan lepas jualannya di sana.

Perkhidmatan lepas jualan termasuk memastikan adanya alat ganti, jaminan lepas jualan dan perkhidmatan penyenggaraan biasa kenderaan, demikian menurut pengeluar kereta nasional kedua itu dalam satu kenyataan Jumaat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Aminar Rashid Salleh berkata langkah itu bagi memberi jaminan kepada pelanggannya di United Kingdom bahawa Perodua kekal komited dalam menyokong mereka dan rakan kongsinya.

Beliau berkata Perodua akan mengedar 1.2 juta pound dalam ansuran kepada Perodua UK setiap suku tahun sehingga akhir 2020.

Perodua mula mengeksport ke United Kingdom pada 1998 dan telah menjual hampir 13,000 kenderaan sehingga kini, daripada Kancil, yang dikenali sebagai "Nippa" di United Kingdom, Perodua Kelisa, Perodua Kenari dan Perodua Myvi.

Pada masa ini, Perodua UK mempunyai 55 wakil penyenggaraan di United Kingdom, yang terletak di England, Wales, Scotland, Ireland Utara dan Channel Islands.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021905>